

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	30 MAY 2017

Najib hargai masa bersama keluarga

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 29 MEI

WALAPUN sibuk dengan tugas harian memimpin negara, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak sempat meluangkan masa berbuka puasa bersama bondanya, Tun Rahah Mohammad Noah dan ahli keluarganya yang lain, semalam.

Menurut Perdana Menteri, peluang berkumpul bersama keluarga amat bermakna dan beliau amat menyukuri kesempatan berkenaan kerana tidak selalu dapat diperolehi.

"Meluangkan masa bersama bonda dan keluarga selepas berbuka tadi. Alhamdulillah. Bukan selalu dapat peluang untuk berkumpul sebegini. Keluarga tercinta saya," katanya menerusi Facebook beliau, malam tadi.

Berbuka puasa bersama keluarga merupakan acara tradisi Perdana Menteri setiap tahun pada bulan Ramadan biarpun melalui jadual padat demi melaksanakan amanah dan tanggungjawab untuk rakyat.


Najib turut memuat naik gambar beliau bersama keluarga dan isterinya, Datin Seri Rosmah Mansor.

Menerusi gambar berkenaan, Perdana Menteri yang berbaju Melayu biru kelihatan gembira merayakan detik-detik indah kemesraan bersama keluarga lebih-lebih lagi bersama bondanya.

Riak wajah Rahah pula kelihatan ceria barangkali jarang berjumpa kerana masing-masing mempunyai kekangan dengan tugas harian.

Turut kelihatan, dua anak beliau, Nor Ashman dan Nooryana Najwa serta adik-beradik Perdana Menteri yang lain bersama isteri dan anak-anak masing-masing.

Status Facebook Perdana Menteri menerima 20,000 likes dan dikongsi 437 pengguna laman sosial itu setakat ini dan rata-rata netizen memuji dan berbangga dengan sikap mulia pemimpin negara itu kerana menurut mereka, perbuatan yang baik adalah bermula dari rumah.



NAJIB TUN RAZAK dan anggota keluarganya menunaikan solat dalam majlis berbuka puasa di Kuala Lumpur, semalam.

Meluangkan masa bersama bonda dan keluarga selepas berbuka tadi. Alhamdulillah. Bukan selalu dapat peluang untuk berkumpul sebegini. Keluarga tercinta saya."

NAJIB TUN RAZAK
Perdana Menteri

Mereka turut mendoakan Perdana Menteri dan keluarga diberikan kesihatan dan kerahmatan dalam kehidupan serta ketika menjalankan tugas untuk kesejahteraan negara setiap masa.



NAJIB TUN RAZAK bersama bondanya, Rahah Mohammad Noah.

UM - 30/5/2017 p5-2